

# Elaun Sara Hidup Nelayan mula dibayar bulan ini

SH 3/2/2021 m/s 12

FOTO: BERNAMA

Kadar tersebut telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan

Oleh MUHAMMAD YUSAINI  
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM



Kadar bayaran bulanan ESHN dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan membabitkan seramai 35,000 nelayan yang layak di seluruh negara.

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menaikkan kadar bayaran bulanan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan bagi tahun 2021.

LKIM memaklumkan, kadar tersebut telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan membabitkan seramai 35,000 nelayan yang layak di seluruh negara.

“Pembayaran ESH ini pertama kali dilaksanakan bermula Februari 2021 untuk bayaran bagi bulan Januari.

“Peningkatan kadar ini merupakan cerminan kerajaan yang prihatin terhadap nasib nelayan,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Kenyataan itu berkata, program tersebut merupakan bantuan dalam bentuk kewangan yang diberi pada setiap bulan kepada pemilik vesel perikanan dan pekerja yang layak serta berdaftar.

“Nelayan yang layak dipertimbangkan untuk menerima bayaran ini terdi-

ri daripada nelayan warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

“Selain itu, pemilik vesel perikanan zon A sahaja dan pekerja zon A, B, C dan C2 juga tergolong dalam kategori nelayan yang layak.

“LKIM berharap dengan bantuan tersebut dapat meringankan beban masyarakat nelayan ketika berdepan pandemik Covid-19 dan musim tengkujuh,” kata kenyataan itu.